

19/04/2000

EAM cadang lobi acara endurance

Mohd Ali Majid

PERSATUAN Ekuestrian Malaysia (EAM) menyambut baik cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya acara endurance dijadikan salah satu acara dalam sukan ekuin apabila negara menganjurkan Sukan Sea dan Asia akan datang.

Presidennya, Mohamed Azar Ismail berkata pihaknya menyambut baik cadangan Perdana Menteri itu dan akan mengemukakan kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) untuk mendapat kelulusan.

Bagaimanapun, katanya sebelum cadangan ini dikemukakan kepada MOM pihaknya perlu mendapatkan sokongan dari negara yang menyertai Sukan dwitahunan itu.

Ini memandangkan acara endurance belum pernah diadakan dalam Sukan Sea dan Asia kerana ia tidak dipertandingkan di Olimpik seperti acara dressage, showjumping dan eventing.

Ketika ini acara endurance diadakan berasingan di beberapa negara tertentu dan di peringkat dunia yang mana mula disertai oleh ekuin negara tahun lalu.

Bagi tujuan itu pihaknya akan menganjurkan kejohanan itu di Malaysia dan menjemput negara-negara Asia Tenggara seperti Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina untuk mengambil bahagian.

"Kita mengharapkan negara-negara berkenaan menyokong cadangan ini dengan menyertai kejohanan yang bakal diadakan bagi membolehkan ia dianjurkan pada Sukan Sea 2001 nanti," katanya.

Perdana Menteri mencadangkan perkara ini semasa menyaksikan kejohanan Cabaran Piala Perdana di Kelab Ekuestrian dan Rekreasi Bukit Kiara Ahad lalu.

"Ini berdasarkan negara sudah memiliki ekuin untuk membawa cabaran dalam acara itu malah sudah mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan muncul sebagai juara," katanya.

Katanya, penglibatan sektor swasta sebagai penaja dapat membantu proses melatih kumpulan sasaran terutama remaja sehingga mereka boleh menjuarai sukan berkuda.

"Saya pasti kalau ia diadakan di peringkat antarabangsa banyak syarikat yang sanggup menjadi penaja," katanya.

Perdana Menteri juga yakin dengan keupayaan yang ditunjukkan oleh ekuin negara dalam kejohanan ini mereka mampu meraih kejayaan dalam Sukan Sea 2001 akan datang.

(END)